



**PANDUAN UNTUK MELAPOR / MENUKAR KURSUS MAJOR / MINOR
MULAI SIDANG AKADEMIK 2021/2022**

Sila baca dan ambil perhatian untuk panduan untuk melapor / menukar kursus major / minor mulai Sidang Akademik 2021/2022:

MELAPOR / MENUKAR KURSUS MAJOR ATAU MINOR DALAM / LUAR RANCANGAN PENGAJIAN

1. Mulai 20 September 2021, pelajar yang ingin melapor atau memohon menukar major dalam rancangan pengajian atau minor dalam/luar rancangan pengajian perlu mengisi Borang MP/A1R (format baharu) yang dikepilkan bersama-sama makluman ini. Borang ini juga dapat dimuat turun daripada menu **Bahan Muat Turun** di portal e-learning PPPJJ.
2. Pertukaran hanya sah setelah mendapat kelulusan daripada Dekan / Timbalan Dekan (Akademik, Kerjaya dan Antarabangsa) PPPJJ.
3. Borang yang telah lengkap diisi perlu dikemukakan melalui emel kepada Pembantu Tadbir mengikut bidang seperti berikut:

BIDANG	NAMA PEMBANTU TADBIR	NO. TELEFON *	E MEL
Sains	Puan Romiwati Samat	04-653 3539	rumie@usm.my
Sains Kemasyarakatan	Puan Fatin Izzati Abdul Razak	04-653 5174	fatinrazak@usm.my
Sastera	Puan Herny Hartini Jamaludin	04-653 2627	herny_hartini@usm.my
Pengurusan	Puan Nor Ashikin Zainol Abidin	04-653 3219	nor_ashikin@usm.my
Catatan: *Waktu Pejabat bermula jam 9:00 pagi hingga jam 1:00 tengahari di sepanjang tempoh pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN)			

4. Pelajar boleh menyemak status terkini kursus major / minor di Campus Online masing-masing dari masa ke masa selepas borang dikemukakan. Untuk bidang Pengurusan dan Sains Kemasyarakatan, diharap pelajar dapat memberi sedikit masa kepada pihak pusat pengajian untuk memproses permohonan kerana bilangan pelajar yang agak ramai.

PERTUKARAN MAJOR LUAR RANCANGAN PENGAJIAN

1. Pelajar TIDAK DIBENARKAN menukar major di luar rancangan pengajian. Bagi kes-kes tertentu yang memerlukan pertukaran major luar rancangan pengajian, pelajar perlu mengemukakan surat permohonan bersertakan alasan yang kukuh kepada Dekan/Timbalan Dekan (Akademik, Kerjaya dan Antarabangsa) PPPJJ.
2. Pertukaran major luar rancangan akan dipertimbangkan berdasarkan kes-kes khas atau keputusan Peperiksaan Akhir pelajar. Permohonan pertukaran rancangan yang diluluskan di peringkat pusat pengajian akan dikemukakan ke Unit Pengambilan Pelajar, Jabatan Pendaftar untuk semakan dan perakuan pihak Universiti selanjutnya. Pelajar akan dikenakan yuran sebanyak RM100.00 bagi permohonan yang berjaya.